



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 27 (3 JULAI – 9 JULAI 2022)

Pada Minggu Epidemiologi ke-27 tahun 2022, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah 1,676 berbanding 1,560 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 116 kes (7.4%). Satu (1) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-27 tahun 2022.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah sebanyak 26,420 kes berbanding 14,715 kes bagi tempoh sama tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak 11,705 kes (79.5%), Manakala sebanyak 19 kematian akibat komplikasi denggi dilaporkan berbanding sembilan (9) kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2021. **(Lampiran A & C).**

Sebanyak 61 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini berbanding 59 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 54 lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor, enam (6) lokaliti hotspot di WPKL & Putrajaya dan satu (1) lokaliti hotspot di Sabah. **(Lampiran B & D).**

Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 9 kes pada minggu ke-27 dengan lima (5) kes dari Selangor dan empat (4) kes dari WPKL &. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 528 kes **(Lampiran E).** Bagi


survelan Zika, sebanyak 924 sampel darah dan 10 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Pergerakan orang ramai secara meluas semasa musim cuti panjang boleh menyebarkan jangkitan demam denggi melalui pembawa virus asimptomatik ke kawasan baharu di mana terdapat nyamuk Aedes di persekitaran. Oleh itu, masyarakat dinasihatkan untuk sentiasa melindungi diri daripada gigitan nyamuk Aedes terutamanya apabila berada di kawasan wabak denggi sama ada dengan menggunakan repelan nyamuk untuk mencegah gigitan nyamuk atau mengenakan pakaian yang menutup anggota badan. Orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat mengenai situasi dan lokaliti wabak denggi terkini di aplikasi mysejahtera, portal media sosial *Facebook* CPKC Kebangsaan Kementerian Kesihatan Malaysia atau laman sesawang iDengue di <https://idengue.mysa.gov.my/>. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia


14 Julai 2022




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi minggu ke-26 dan ke-27 tahun 2022



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga minggu ke-27 tahun 2022 dan tempoh sama tahun 2021




Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2022, 2021 dan median 2017-2021




Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi minggu ke-27 tahun 2022

BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 27/2022
(3 Julai hingga 9 Julai 2022)


Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 27/2022		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 27/2021	
		Minggu 27 (3 Julai – 9 Julai 2022)		Minggu 26 (26 Jun – 2 Julai 2022)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	2	0	1	0	18	0	13	0
2	Kedah	19	0	22	1	575	2	313	0
3	P. Pinang	18	0	14	0	332	0	237	0
4	Perak	37	0	36	0	536	0	339	1
5	Selangor	1,017	0	926	0	17,150	4	8,553	2
6	WP KL & Putrajaya	173	0	156	1	2,487	5	1,678	1
7	N. Sembilan	48	1	33	0	747	2	350	1
8	Melaka	15	0	13	0	261	0	404	0
9	Johor	91	0	92	0	1,255	1	1,245	1
10	Pahang	30	0	22	0	319	0	284	1
11	Terengganu	5	0	8	0	111	0	25	0
12	Kelantan	35	0	34	0	330	2	122	0
13	Sarawak	11	0	23	0	317	1	234	0
14	Sabah	175	0	179	0	1,966	2	914	2
15	WP Labuan	0	0	1	0	16	0	4	0
	MALAYSIA	1,676	1	1,560	2	26,420	19	14,715	9




Selangor




WPKL & Putrajaya




Johor




Sabah




Kelantan




Perak




Pulau Pinang




Kedah




Negeri Sembilan




Melaka




Pahang




Sarawak



Terengganu



Perlis



Labuan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 27/2022
(3 Julai hingga 9 Julai 2022)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	PETALING	E11. SRI PJS 6 FLAT DESA MENTARI 2 (BLOK 4, 5, 6)	68	123
2	SELANGOR	PETALING	E3. SEKSYEN 26 (FLAT PPRT BLOK A, B, C)	14	91
3	SELANGOR	PETALING	E11. SRI PJS 6 FLAT DESA MENTARI 1 (BLOK 1, 2, 3)	21	84
4	SELANGOR	PETALING	E2. SEKSYEN 17 (TERES A: JLN 17/2 - 17/15)	22	83
5	SELANGOR	KUALA LANGAT	TAMAN SERI JAROM	41	83
6	SELANGOR	HULU LANGAT	JALAN 1-17 KAMPUNG BARU SUNGAI CHUA	15	80
7	SELANGOR	PETALING	E14. USJ 16 (SRI TANJUNG)	28	76
8	SELANGOR	PETALING	E13. USJ 2/4	18	75
9	SELANGOR	PETALING	E6. BL PJU 10 APT PERMAI	10	71
10	SELANGOR	PETALING	E13. USJ 12/1	19	67
11	SELANGOR	HULU LANGAT	JALAN TKP 1-9 TAMAN KANTAN PERMAI	18	64
12	SELANGOR	PETALING	E16. TMN PINGGIRAN PUTRA (VISTA PINGGIRAN) JLN PINGGIRAN PUTRA	19	61
13	SELANGOR	HULU LANGAT	KAMPUNG BARU SEMENYIH	14	61
14	SELANGOR	PETALING	E13. TMN PINGGIRAN USJ 3	9	60
15	SELANGOR	SEPANG	TAMAN PERMATA	18	59
16	SELANGOR	PETALING	E13. USJ 3/4	20	55
17	SELANGOR	KLANG	SEKSYEN 35 (DESA KEMUNING)	19	54
18	SELANGOR	PETALING	E15. BDR BKT PUCHONG BP 1 (FLAT BKT PUCHONG)	12	53
19	SELANGOR	SEPANG	KG. BARU DENGKIL	12	53
20	SELANGOR	HULU LANGAT	APPT TAMAN KAJANG PERDANA 2	8	53
21	SELANGOR	PETALING	E1. SEKSYEN 13 (PANGSAPURI BRUNSFIELD RIVERVIEW)	25	52
22	SELANGOR	PETALING	E3. SEKSYEN 27 (TERES C - JLN 27/38 - 27/52A)	24	51

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
23	SELANGOR	HULU LANGAT	JALAN KAJANG MEWAH 10-20 TAMAN KAJANG MEWAH	8	50
24	WPKL & P	TITIWANGSA	SEK 10 WANGSA MAJU (IRAMA WANGSA)	15	50
25	SELANGOR	PETALING	E14. TMN SRI PUCHONG	10	49
26	SELANGOR	PETALING	E15. BDR BKT PUCHONG BP 7 (RUMAH KEDAI/EPIC RESIDENCE)	10	49
27	SELANGOR	PETALING	E12. TM PJS 2C TMN MEDAN (TERES 4) [JLN PJS 2C/11,2C/11A,B,C,D,F,G,H,J,K,L,28,2]	9	48
28	SELANGOR	PETALING	E15. TMN PUCHONG UTAMA (JLN PU 8)	16	48
29	SELANGOR	PETALING	E7. KD PJU 3 PALM SPRING KONDO 2 (D,E,F)	13	48
30	SELANGOR	KUALA LANGAT	PANGSAPURI IMPIAN, BSP	14	48
31	SELANGOR	PETALING	E11. SRI PJU 1A PPRT 1 BLOK (D,E,F)	16	47
32	SELANGOR	PETALING	E4. SEKSYEN U1 (KUARTERS INSTITUSI PENDIDIKAN POLITEKNIK)	16	46
33	WPKL & P	WP PUTRAJAYA	PRESINT 8 PARCEL 4C	13	46
34	SELANGOR	HULU LANGAT	BLOK H-M PANGSAPURI Baiduri Bandar Tasik Kesuma	7	42
35	WPKL & P	WP PUTRAJAYA	PRESINT 18 - PARCEL R13	13	41
36	SELANGOR	HULU LANGAT	APPT TAMAN ANGGERIK VILLA 2	10	40
37	SELANGOR	PETALING	E15. TMN PUCHONG PERDANA (VISTA MILLENIUM)	6	38
38	SELANGOR	PETALING	E5. SEKSYEN U5 (KG MELAYU SUBANG TAMBAHAN B : JLN 4, 5 & RAMBUTAN)	5	38
39	SELANGOR	PETALING	E9. KT SS 9A 1 (JLN 9A/3,5,6,7,8,9,10,11,12,17,20)	6	38
40	WPKL & P	TITIWANGSA	SEKSEN 10 W/MAJU (BLOK A1-A12)	12	37
41	SELANGOR	PETALING	E13. BDR SUNWAY (DK SENZA RESIDENCE)	5	37
42	SELANGOR	HULU LANGAT	KEM PGA SEMENYIH	10	37
43	SELANGOR	PETALING	E12. TM PJS 2C APT MEDAN CAHAYA 1 (BLOK A, B, C)	7	36
44	SELANGOR	PETALING	E2. SEKSYEN 20 (FLAT A: BLOK 1 - 4)	20	36
45	SELANGOR	PETALING	E6. BL PJU 9 SD 13 APT SRI MERANTI (2) [H,J,K,L,M,N,P,Q,R]	11	36
46	WPKL & P	WP PUTRAJAYA	PRESINT 18 - PARCEL 18R12 -BLOK ABCD	6	36

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
47	SELANGOR	KLANG	TAMAN MEWAH JAYA 01	15	35
48	SELANGOR	PETALING	E6. BL PJU 9 SD 13 APT SRI MERANTI (1) [A,B,C,D,E,F,G]	12	34
49	WPKL & P	TITIWANGSA	SEK 10 WANGSA MAJU (SRI JELATEK CONDO)	4	34
50	SELANGOR	HULU LANGAT	JALAN 1-8 TAMAN DESA MEWAH	10	33
51	SELANGOR	HULU LANGAT	APPT SRI ROS TAMAN SEPAKAT INDAH	11	33
52	SABAH	TUARAN	TAMAN TELIPOK RIA	8	33
53	SELANGOR	KLANG	TAMAN KLANG PERDANA 01	6	33
54	SELANGOR	KLANG	KAMPUNG IDAMAN 01	7	33
55	SELANGOR	PETALING	E13. PJS 11 (NADAYU28 RESIDENT)	5	32
56	SELANGOR	PETALING	E2. SEKSYEN 24 (FLAT G: BLOK 43 - 61)	6	32
57	SELANGOR	SEPANG	APT RUVENA VILLA PUTRA PERDANA	5	31
58	SELANGOR	HULU LANGAT	JALAN 8/1-15 SEKSYEN 8 BANDAR BARU BANGI	7	31
59	SELANGOR	HULU SELANGOR	LOKALITI 1 BDR BARU BTG KALI	4	31
60	SELANGOR	PETALING	E1. SEKSYEN 16 (KUARTERS SUK)	17	31
61	SELANGOR	HULU LANGAT	PANGSAPURI TAMAN AMPANG MEWAH	11	31

**KES MINGGUAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA MINGGU 27/2022
(DARI 3 JULAI HINGGA 9 JULAI 2022)**

Bil.	Negeri	Jumlah Kes Chikungunya ME 27/2022	Jumlah Kes Chikungunya ME 27/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2022 Sehingga ME 27/2022	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2021 Sehingga ME 27/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Bagi Tahun 2021
1	Perlis	0	0	0	0	3
2	Kedah	0	0	13	120	140
3	P. Pinang	0	0	9	40	77
4	Perak	0	4	8	168	180
5	Selangor	5	6	156	119	339
6	WP KL & Putrajaya	4	16	233	244	490
7	N. Sembilan	0	0	73	4	22
8	Melaka	0	0	5	25	29
9	Johor	0	0	2	77	97
10	Pahang	0	0	1	0	0
11	Terengganu	0	0	0	0	0
12	Kelantan	0	1	27	20	55
13	Sarawak	0	0	1	0	0
14	Sabah	0	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0	0
	MALAYSIA	9	27	528	817	1,432